

Hasil siasatan awal JAS ke atas pencemaran di Sungai Semenyih **Tiada bukti kena sabotaj**

KUALA LUMPUR – Jabatan Alam Sekitar tidak menemui sebarang unsur sabotaj dalam siasatan awalnya mengenai pencemaran Sungai Semenyih, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

“Sehingga sekarang, dalam siasatan kami tidak menjumpai apa-apa, namun kami tidak menolak sebarang kemungkinan,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Ahad lepas, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilapor-

kan sebagai berkata, terdapat bukti mengenai pencemaran air di Sungai Semenyih yang menunjukkan kecenderungan unsur sabotaj dan laporan polis telah dibuat oleh Lembaga Urus Air Selangor bagi menyiasat pencemaran sungai berkenaan.

Wan Junaidi berkata, kementerianannya memandang serius dakwaan Mohamed Azmin itu dan berharap kerajaan negeri dapat mengemukakan bukti yang kukuh kepada pihak



berkuasa.

Wan Junaidi berkata, mereka yang didapati bersalah melakukan perbuatan sabotaj secara sengaja terhadap tempat tadahan air boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012.

“Sabotaj merupakan kes serius dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang darurat kerana ia melibat-



KERATAN Kosmo! 24 Oktober 2016.

kan lebih dua juta pengguna air,” katanya. - Bernama